



POLIS DAN HAK ASASI ANDA

www.malaysianbar.org.my

PUSAT BANTUAN GUAMAN (LEGAL AID CENTRES)

Johor	:	07-223 5698 / 06-951 4700
Kedah	:	04-733 3467
Kelantan	:	011-1197 6700
Kuala Lumpur	:	03-2691 1121 / 2692 1122
Melaka	:	06-230 9509 / 9507
Negeri Sembilan	:	06-601 3843 / 7454
Pahang	:	09-515 9244 / 09-296 9410
Perak	:	05-255 0523
Perlis	:	04-977 0272
Pulau Pinang	:	04-261 7451
Selangor	:	03-5510 7007
Terengganu	:	09-622 0249

1. APABILA DIBERHENTIKAN POLIS

1.1 Sekiranya polis tersebut tidak memakai pakaian seragam

Minta polis tunjukkan kad kuasanya.

1.2 Kad kuasa polis

Warna Merah : Anggota polis tersebut telah digantung, dan tidak mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa. Anda tidak perlu mengendahnya.

Warna-warna lain

Warna Biru : Polis yang berpangkat Inspektor dan ke atas

Warna Kuning : Polis yang berpangkat di bawah Inspektor

Warna Putih : Polis simpanan

Perhatikan / catat nama dan nombor anggota polis pada kad kuasanya.

1.3 Jika polis berpakaian seragam

Perhatikan / catat nama dan nombor anggota polis pada pakaian seragamnya.

1.4 Kenderaan polis

Perhatikan / catat nombor pendaftaran pada kereta atau motosikal peronda polis tersebut.

2. APABILA DISOAL OLEH POLIS

2.1 Pengenalan anda

Anda cuma perlu berikan nama, nombor kad pengenalan dan alamat sahaja.

2.2 Seandainya ditanya soalan-soalan lain

Anda boleh bertanya, "Adakah saya ditahan?"

2.3 Penahanan

Anda ditahan apabila anggota polis:

- menjawab "ya" pada soalan anda di atas;
- tidak membenarkan anda meninggalkan tempat di mana anda berada atau ingin membawa anda ke balai polis; atau
- menggari anda.

Jika anda tidak ditahan, anda boleh memilih untuk tinggalkan tempat tersebut atau tidak mematuhi arahan polis untuk ke balai polis atau tempat lain, jika diarahkan.

2.4 Bila masa anda tidak boleh ditahan

Polis tidak boleh menahan anda semata-mata atas alasan anda berkemungkinan seorang saksi dan polis ingin mengambil kenyataan saksi daripada anda (Kenyataan 112 / Kenyataan Saksi).

3. SOAL JAWAB OLEH POLIS TANPA PENAHANAN

3.1 Kenyataan 112

Apabila pihak polis menjalankan siasatan mengenai sesuatu kes dan berpendapat bahawa anda mempunyai maklumat tentang kes tersebut, pihak polis boleh menyoal anda dan mencatat jawapan anda (Kenyataan 112).

3.2 Permintaan rasmi / tidak rasmi

Kebiasaannya, pihak polis akan membuat permintaan tidak rasmi untuk meminta anda memberikan Kenyataan 112. Beri kerjasama jika tempat dan waktu untuk berbuat demikian bersesuaian dan tidak menyusahkan anda. Jika tidak, maklumkan kepada polis yang anda akan berbuat demikian pada tempat dan waktu yang bersesuaian.

Sekiranya anda enggan bekerjasama sama sekali, pihak polis akan mengeluarkan suatu perintah rasmi secara bertulis yang ditandatangani oleh pegawai penyiasat (Perintah Polis) untuk meminta anda bekerjasama.

3.3 Memberi Kenyataan 112

Anda mempunyai hak untuk meminta seorang peguam menemani anda. Kami menasihati anda untuk berbuat demikian.

Dalam memberikan Kenyataan 112, anda boleh pilih untuk tidak menjawab apa-apa soalan yang boleh mendedahkan anda kepada apa-apa kesalahan jenayah.

Perkara-perkara penting:

- Bawa bersama buku nota atau kertas tulisan (“Nota Peribadi”).
- Catatkan semua soalan yang ditanya di dalam Nota Peribadi.
- Pastikan anda memahami setiap soalan yang ditanya.
- Ambil masa dan fikir dengan berhati-hati sebelum menulis jawapan anda di dalam Nota Peribadi.
- Baca jawapan anda kepada pegawai polis yang menyoal anda.
- Simpan Nota Peribadi anda untuk tujuan rujukan di masa hadapan.

3.4 Menandatangani Kenyataan 112 anda

Sebelum menandatangani Kenyataan anda, baca soalan dan jawapan yang ditulis oleh pegawai polis dengan teliti.

- Bandingkan Kenyataan yang anda diminta tandatangani dengan Nota Peribadi anda.
- Anda mempunyai hak untuk membuat pembetulan / perubahan kepada Kenyataan anda sebelum menandatangani.
- Letakkan tandatangan anda di bawah ayat penghabisan Kenyataan anda.

Sekiranya anda gagal mematuhi Perintah Polis, anda tidak boleh ditangkap. Akan tetapi, itu adalah suatu kesalahan dan pihak polis boleh meminta Majistret untuk mengeluarkan waran terhadap anda untuk memaksa anda bekerjasama.

4. PENAHANAN OLEH POLIS

4.1 Apabila ditahan, minta sebab anda ditahan (“mengapa saya ditahan?”)

Setiap penahanan yang dilakukan tanpa memberi sebab adalah penahanan yang tidak sah.

4.2 Jangan melawan

Anggota polis mempunyai hak untuk menggunakan kekerasan yang munasabah sekiranya anda melawan penahanan.

4.3 Tanya “Ke balai mana Tuan / Puan hendak membawa saya?”

Anggota polis tersebut hendaklah membawa anda dengan segera ke balai polis berdekatan dan bukan ke tempat lain.

4.4 Apa perlu anda lakukan setelah dimaklumkan tentang penahanan?

Anda mempunyai hak untuk membuat panggilan telefon. Buat panggilan kepada keluarga, peguam atau Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (Legal Aid Centre, “LAC”). Maklumkan kepada mereka tentang perkara-perkara berikut:

- Anda telah ditahan;
- Masa, tempat dan sebab tangkapan;
- Pengenalan anggota polis yang melakukan penahanan; dan
- Balai polis di mana anda dibawa.

4.5 Apa berlaku seterusnya selepas penahanan?

Anda boleh ditahan sehingga 24 jam:

- di balai polis; atau
- di lokap balai polis untuk membantu siasatan polis.

5. HAK-HAK ANDA KETIKA DALAM TAHANAN

5.1 Hak untuk menghubungi peguam

Anda mempunyai hak untuk berhubung dengan peguam dan berhak untuk menyatakan kehendak anda untuk berbuat demikian.

Setelah anda memohon kehadiran seorang peguam, anda mempunyai hak untuk berbincang dengan peguam tersebut di dalam balai polis. Pihak polis hendaklah memberikan anda kemudahan dan masa yang berpatutan untuk anda berhubung dan berbincang dengan peguam anda. Namun, pihak polis mungkin menafikan anda hak tersebut jika kelewatan dalam menyoal siasat anda akan mengakibatkan berlakunya jenayah yang lain atau menyebabkan musibah kepada orang lain.

5.2 Pakaian

Anda dibenarkan untuk memiliki 1 set pakaian semasa di dalam lokap.

5.3 Barang persendirian

Pihak polis hendaklah mengambil rekod segala barang persendirian anda dan letakkan barang tersebut dalam jagaan selamat. Barang tersebut hendaklah dipulangkan kepada anda sebaik sahaja anda dilepaskan.

5.4 Kebajikan

Anda dibenarkan untuk mandi 2 kali sehari. Jika anda sakit, anda berhak untuk mendapat rawatan dengan segera.

Anda hendaklah diberikan makanan dan air minum yang wajar dan mencukupi sepanjang masa anda ditahan.

5.5 Berapa lama polis boleh menahan anda?

Polis hanya boleh menahan anda sehingga 24 jam untuk siasatan. Adalah menjadi tanggungjawab polis untuk menyiapkan siasatan dalam tempoh 24 jam dan melepaskan anda secepat mungkin.

Jika polis tidak dapat menyelesaikan siasatan mereka dalam masa 24 jam, polis hendaklah membawa anda ke hadapan seorang Majistret

untuk memperoleh Perintah Reman untuk menyambung penahanan anda melepasi 24 jam.

6. PERINTAH REMAN OLEH MAJISTRET

6.1 Siapakah Majistret?

Majistret ialah seorang pegawai mahkamah yang mempunyai kuasa untuk memberi Perintah Reman untuk menahan anda lebih daripada 24 jam.

6.2 Tujuan Perintah Reman

la adalah bertujuan untuk memberikan lebih banyak masa kepada polis untuk menyelesaikan siasatan mereka dan memutuskan sama ada terdapat bukti untuk membuat pertuduhan kesalahan jenayah terhadap anda.

Pihak polis tidak boleh memohon Perintah Reman semata-mata bagi tujuan mendapatkan Kenyataan daripada anda.

6.3 Jangka hayat Perintah Reman

Apabila anda dibawa ke hadapan Majistret untuk Perintah Reman, polis hendaklah mengemukakan kepada Majistret sebab mengapa anda perlu ditahan melebihi 24 jam. Tugas Majistret pula adalah untuk memberikan pertimbangan yang wajar terhadap sebab-sebab yang diberikan polis.

Mahkamah mempunyai kuasa untuk memberikan Perintah Tahanan Reman selama 4 hingga 7 hari bergantung kepada jenis kesalahan yang sedang disiasat. Pihak polis kemudiannya selepas tamat tempoh reman pertama, boleh memohon lanjutan reman atau reman kedua, selama 3 hingga 7 hari bergantung kepada kesalahan yang disiasat.

Selepas memberikan pertimbangan wajar terhadap sebab-sebab yang diberikan polis, Majistret mempunyai budi bicara:

- untuk tidak membenarkan Perintah Reman, dan melepaskan anda; atau
- untuk membuat Perintah Reman untuk suatu jangka masa yang lebih pendek daripada yang dipohon polis.

6.4 Apa yang perlu anda katakan kepada Majistret apabila berhadapan dengan beliau?

Maklumkan kepada Majistret perkara berikut:

- Anda ingin mendapatkan perwakilan peguam, dan juga ingin memaklumkan pihak LAC dan keluarga anda;
- Anda ingin mendapatkan rawatan perubatan kerana anda tidak sihat atau telah didera;
- Jika anda telah diugut atau didera semasa dalam tahanan;
- Jika anda telah dinafikan makanan / air minum / pakaian yang sewajarnya, penggunaan tandas, atau rawatan perubatan yang sewajarnya semasa dalam tahanan; dan
- Jika polis telah menjalankan penyiasatan semasa anda berada dalam tahanan.

6.5 Memohon daripada Majistret Perintah Reman yang lebih singkat

Sebelum Majistret memberi Perintah Reman, buat permohonan Perintah Reman yang lebih singkat daripada tempoh yang dipohon

polis. Beri sebab (contoh: “Saya akan bekerjasama dengan polis dalam siasatan mereka”, “saya berada di sini dan tidak akan melarikan diri”, dan sebagainya).

7. PEMERIKSAAN TUBUH TANPA DITAHAN

7.1 Bila ia boleh dilakukan?

Jika anda berada di suatu tempat (contoh: kelab / karaoke / tempat hiburan) di mana polis sedang melakukan serbuan atau mencari sesuatu (contoh: dadah berbahaya), polis berhak untuk melakukan pemeriksaan tubuh / beg tanpa menahan anda.

Ini hanya boleh dilakukan dengan kehadiran pegawai polis yang berpangkat Inspektor dan ke atas.

7.2 Apa yang perlu anda lakukan?

- Jangan benarkan polis memasukkan tangan mereka ke dalam saku / pakaian atau beg anda.
- Kosongkan saku / beg anda di hadapan polis secara sukarela untuk memastikan anda dapat mengawasi barang anda.

Keluarkan barang anda satu demi satu, dan sebut nama barang tersebut, contoh: “dompet”, “kunci”, “kad pengenalan”, dan sebagainya.

- Apabila saku / beg anda telah dikosongkan, terbalikkan saku / beg tersebut.

7.3 Hak anda

- Wanita hanya boleh diperiksa tubuh oleh pegawai polis wanita sahaja.
- Setiap pemeriksaan tubuh perlu dilakukan secara penuh profesional dan dengan sopan (contoh: bahagian sulit tidak boleh disentuh).
- Tidak ada undang-undang yang memaksa anda untuk menanggalkan pakaian.

8. PEMERIKSAAN TUBUH APABILA DITAHAN

8.1 Polis berkuasa untuk melakukan pemeriksaan tubuh untuk tujuan mencari objek yang berhubung dengan kesalahan yang disyaki

Pemeriksaan tubuh harus dilakukan di dalam kawasan yang terlindung. Anda berhak untuk diperiksa di kawasan yang terlindung.

8.2 Pemeriksaan tubuh tanpa pakaian (*strip search*)

Walaupun anda ditahan, tiada undang-undang yang membolehkan polis memaksa anda menanggalkan pakaian.

Sekiranya anda dipaksa / diugut untuk menanggalkan pakaian:

- Bantah;
- Pastikan anda dapatkan nama pegawai polis tersebut; dan
- Buat laporan selepas itu.

9. SOAL-SIASAT OLEH POLIS SELEPAS DITAHAN

9.1 Kenal pasti pegawai polis yang menyoal siasat anda

Dapatkan nama / pangkat pegawai polis yang menyoal siasat anda.

9.2 Hak memilih untuk berdiam diri

Polis lazimnya akan memulakan perbualan ramah mesra (contoh: tanya soalan tentang keluarga dan kawan anda, dan sebagainya). Anda harus bersopan. Jangan khuatir untuk berdiam diri. Ini adalah hak anda.

9.3 Kenyataan 112 daripada anda

Polis akan menyoal anda dan kemudian mencatat jawapan anda. Anda hanya perlu memberi nama penuh, umur, alamat dan pekerjaan (Butir-butir Peribadi).

Selain memberikan Butir-butir Peribadi, anda berhak untuk berdiam diri. Sekiranya anda memilih untuk berdiam diri, katakan: "Saya akan menjawab di Mahkamah."

9.4 Polis tidak berhak untuk memaksa anda memberi Kenyataan 112

Setelah anda memberi Butir-butir Peribadi, tetapi polis masih mengugut untuk memaksa anda untuk memberi kenyataan bertulis:

- Bertenang dan berdiam diri;
- Polis tidak berhak untuk mengugut atau memaksa anda untuk memberi kenyataan.

Sekiranya anda telah diugut, dipukul ataupun dipaksa untuk memberi Kenyataan 112, buat laporan polis terhadap pegawai polis berkenaan dengan secepat mungkin. Ini adalah hak anda.

10. BOLEHKAH POLIS MEMERIKSA KERETA ANDA?

10.1 Polis mempunyai kuasa di bawah seksyen 24(1) Akta Polis 1967 untuk memberhentikan dan memeriksa kereta anda

Oleh itu, polis mempunyai kuasa untuk memberhentikan kereta anda dan menjalankan pemeriksaan ke atas kad pengenalan anda serta lesen memandu anda (seksyen 58(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987).

Polis juga mempunyai kuasa untuk memeriksa kereta anda jika mereka mengesyaki anda telah melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang, atau anda sedang disiasat untuk suatu jenayah, atau anda telah ditangkap kerana disyaki melakukan jenayah.

10.2 Apa yang perlu anda lakukan jika polis ingin memeriksa kereta anda?

- Minta polis tunjukkan kad kuasa mereka;
- Ambil nama, pangkat, dan nombor anggota polis;
- Ambil nombor pendaftaran kenderaan mereka;
- Tanya sebab mengapa mereka ingin memeriksa kereta anda; dan
- Tanya sama ada anda sedang disiasat atau disyaki melakukan sebarang jenayah.

10.3 Apa yang perlu anda lakukan apabila disoal siasat oleh pegawai polis?

- Anda hanya perlu berikan nama, nombor kad pengenalan, dan alamat anda.

- Jika pegawai polis bertanya soalan seterusnya, tanya sama ada anda ditahan.
- Anda ditahan jika pegawai polis berkata “ya” kepada soalan di atas, atau apabila anda tidak dibenarkan meninggalkan tempat itu, dan apabila anda digari.
- Jika anda tidak ditahan, anda boleh meninggalkan tempat tersebut atau tidak mematuhi arahan pegawai polis untuk pergi ke balai polis atau tempat lain, jika diarahkan.

10.4 Apa yang perlu anda lakukan jika anda telah ditahan?

- Apabila anda ditahan, anda perlu tanya, “mengapa saya ditahan?” Setiap penahanan yang dilakukan tanpa memberi maklumat tentang sebabnya adalah penahanan yang tidak sah.
- Jangan bergaduh dengan pegawai polis. Pegawai polis mempunyai hak untuk menggunakan kekerasan yang munasabah jika anda melawan penahanan.
- Tanya, “Ke balai mana Tuan/Puan hendak membawa saya?” Pegawai polis hendaklah membawa anda dengan segera ke balai polis berhampiran dan bukan ke tempat lain.

10.5 Apa yang perlu anda lakukan selepas dimaklumkan tentang penahanan?

- Anda mempunyai hak untuk membuat panggilan telefon. Buat panggilan kepada keluarga anda, peguam, atau LAC yang paling dekat dengan anda. Maklumkan tentang penahanan anda.
- Memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai polis. Jika tidak, di bawah seksyen 24(2), (3) dan (4) Akta Polis 1967, anda mungkin akan ditangkap tanpa waran, atau kenderaan anda boleh dialihkan ke balai polis yang berdekatan atau tempat lain, jika anda telah disyaki melakukan kesalahan.

11. BOLEHKAH POLIS MEMERIKSA TELEFON ANDA?

11.1 Polis dibenarkan untuk memeriksa telefon anda

Tetapi mereka tidak boleh berbuat demikian tanpa sebab yang munasabah dan sah.

Jika mereka periksa telefon anda, mereka pasti mengesyaki bahawa anda telah melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang, atau anda sedang disiasat untuk suatu jenayah, atau anda telah ditangkap kerana disyaki melakukan suatu jenayah.

11.2 Apa yang perlu anda lakukan jika polis ingin memeriksa telefon anda?

- Minta untuk melihat kad kuasa mereka;
- Ambil nama, pangkat, dan nombor anggota polis;
- Ambil nombor pendaftaran kenderaan mereka;
- Tanya sebab mengapa mereka ingin memeriksa telefon anda; dan
- Tanya sama ada anda sedang disiasat atau disyaki melakukan sebarang jenayah.

11.3 Apa yang perlu anda lakukan jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan?

- Hubungi peguam untuk mendapatkan nasihat; dan
- Minta untuk dibawa ke balai polis yang berhampiran untuk pemeriksaan telefon anda.

(Sebagaimana pada Mei 2023)